

SULIT

1223/1

1223/1

Pendidikan

Islam

Kertas 1

Ogos

2010

2 jam



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

**PENDIDIKAN ISLAM**

**Kertas 1**

**Dua jam**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 11.*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikut. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tuliskan nama dan angka giliran anda pada ruang yang disediakan di halaman 11.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 11 daripada kertas soalan dan ikat bersama-sama kertas jawapan Bahagian B. Serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Disediakan Oleh:  
**AKRAM NEGERI TERENGGANU**

Dibiayai Oleh:  
**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

**TERENGGANU ANJUNG ILMU**

Dicetak Oleh:  
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

*Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak.*

**Bahagian A**  
**[40 markah]**

Jawab semua soalan

**Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat dalam lampiran kertas jawapan yang disediakan.

- 1 Menyamakan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat dan perbuatan-Nya dianggap sebagai
- A sihir
  - B kufur
  - C syirik
  - D khurafat

- 2 Kesan lari dari medan perang ialah
- A membatalkan iman
  - B menyelamatkan nyawa
  - C megah dengan kelebihan diri
  - D merendahkan martabat agama

- 3
- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Melazimi berzikir kepada Allah SWT</li><li>• Memperbanyakkan solat sunat</li><li>• Memperbanyakkan sedekah</li></ul> |
|--|

Pernyataan di atas merujuk kepada cara

- A mengekalkan keimanan
  - B meningkatkan keimanan
  - C mengurangkan keimanan
  - D menjadi orang yang beriman
- 4 Berikut adalah cara untuk memelihara akidah supaya tidak terpesong
- I mempelajari asas akidah dengan ulama yang muktabar
  - II mencintai Allah dan rasul lebih daripada yang lain
  - III menunaikan segala kewajipan terhadap Allah
  - IV mengasihi sesama manusia kerana Allah
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
- 5 Antara yang berikut manakah yang benar mengenai akibat perbuatan sihir ?
- A melemahkan iman seseorang
  - B muncul tempat-tempat pemujaan
  - C menimbulkan fitnah dalam masyarakat
  - D menguatkan pergantungan kepada Allah SWT

<b>6</b>	Berikut adalah unsur yang diharamkan dalam insurans	
	<b>A</b>	gharar
	<b>B</b>	takaful
	<b>C</b>	taawun
	<b>D</b>	mudharah

**7** Berikut adalah hikmat gadaian kecuai

- A** menggalakkan umat Islam berbelanja
- B** mengembangkan ekonomi umat Islam
- C** memberi jaminan kepada orang yang memberi hutang
- D** memberi kemudahan kepada orang yang memerlukan bantuan

**8** Antara berikut yang manakah rukun sewaan ?

- A** Baligh
- B** Berakal
- C** Manfaat
- D** Kemahuan sendiri

**9** Antara berikut yang manakah susunan paling tepat mengenai hak hadhanah ?

- A** Nenek sebelah ibu - bapa - nenek sebelah bapa
- B** Nenek sebelah ibu - nenek sebelah bapa - bapa
- C** Bapa - nenek sebelah ibu - nenek sebelah bapa
- D** Bapa - nenek sebelah bapa - nenek sebelah ibu

**10** Kesan lian terhadap suami isteri ialah

- A** Isteri dapat menjaga maruah dari tercemar
- B** Suami dapat mempertahankan kesucian nasab
- C** Suami dapat mencari jalan penyelesaian secara adil
- D** Suami tidak boleh berkahwin semula dengan bekas isterinya selamanya-lama

**11** Perempuan yang haram sementara untuk dikahwini ialah

- A** Ibu tiri
- B** Ibu susuan
- C** Emak saudara
- D** Adik beradik isteri

**12** Hikmat mengadakan walimatul urus ialah

- A** mengisytiharkan perkahwinan
- B** menjamin kebahagiaan pasangan kelak
- C** membuktikan keluarga pengantin berkemampuan
- D** membuktikan kesanggupan isteri untuk berumahtangga

**13.** Meneruskan Majlis Tahkim walaupun mendapat tentangan daripada golongan Khawarij.

Pernyataan di atas adalah polisi khalifah

- A** Abu Bakar al-Siddiq radiallahuanhu
- B** Umar bin al-Khattab radiallahuanhu
- C** Uthman bin Affan radiallahuanhu
- D** Ali bin Abi Talib karramallahu wajhah

14. 

<ul style="list-style-type: none"><li>• Menubuhkan beberapa jabatan</li><li>• Mengemaskinikan Majlis Syura</li><li>• Mewujudkan sistem pentadbiran wilayah</li></ul>
--

Pernyataan di atas merujuk kepada kerajaan khulafa' ar-Rasyidin dari aspek

- A kesan positif
- B pembaharuan
- C dasar pentadbiran
- D ciri-ciri kepimpinan

15. 

<p>Peranan institusi pendidikan zaman kerajaan Bani Abbasiyah</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Tempat ibadat</li><li>• Halaqah-Halaqah ilmu</li></ul>
--

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Kuttab
- B Masjid
- C Darul Hikmah
- D Baitul Hikmah

16. 

<p>Formula baru matematik pada zaman Abbasiyah</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Trigonometry</li><li>• Algebra</li><li>• Geometry</li><li>• Logarithm</li></ul>
--

Pernyataan di atas berkaitan dengan tokoh

- A Al-Batani
- B Ibnu Haitham
- C Al-Khawarizmi
- D Jabir bin Hayyan

17. Berikut ialah faktor-faktor yang mendorong kejatuhan kerajaan Bani Umayyah **kecuali**
- A sikap pemerintah yang lalai menjalankan tugas dan tanggungjawab
  - B segelintir pemerintah cuai melaksanakan sebahagian tuntutan Islam
  - C penentangan rakyat terhadap pemerintah
  - D serangan tentera monggol

18. Imam Ahmad bin Hambal rahimahullah digelar al-Hakim kerana
- A membaca 1/7 al-Quran setiap hari
  - B menghafaz lebih daripada 700,000 hadis
  - C khatam al-Quran pada tiap-tiap tujuh malam sekali
  - D mengerjakan solat sunat hingga 300 rakaat setiap hari

19. Tempat lahir Imam Malik rahimahullah ialah
- A Kufah
  - B Palestin
  - C Madinah
  - D Baghdad


20. Berikut adalah adab menjaga orang sakit dari aspek emosi

- I sabar mendengar rungutan
- II menggunakan tutukata yang lembut
- III menasihati pesakit supaya mengingati Allah
- IV mengingatkan pesakit bahawa sakit adalah ujian Allah
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV


Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

21



22



Q dalam rajah di atas ialah jenis-jenis .....

23

Ilmu yang digunakan untuk memecahbelahkan pasangan suami isteri

24

Pernyataan di atas merujuk kepada perbuatan .....  
 Mengucapkan ..... kepada keluarga si mati merupakan adab menziarahi jenazah.

Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

25	Kesalahan	Hukuman yang ditetapkan
	R	40 kali sebatan

R dalam rajah di atas ialah .....

- 26
- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Puasa 19 hari</li> <li>• Solat sebanyak 9 rakaat</li> <li>• Berwudhuk dengan air mawar</li> </ul> |
|--|

Ciri-ciri kesesatan ajaran Bahai di atas adalah dari aspek mengubah bentuk .....

27 Sheikh Tahir Jalaluddin digelar..... kerana kemahiran dalam bidang ilmu kaji bintang.

28

Sijil yang dikeluarkan sebagai simbol pemilikan oleh sesebuah syarikat
--

Pernyataan di atas merujuk kepada .....

29 Keadilan dalam poligami adalah dari aspek lahiriah seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan giliran .....

30 Saksi adalah penting untuk menjamin sesuatu perkahwinan itu .....

- 31
- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendidikan Islam</li> <li>• Pendidikan Rohani</li> <li>• Pendidikan Moral</li> </ul> |
|---|

Pernyataan di atas merujuk kepada tanggungjawab ibubapa ..... anak-anak

32

Semasa Ali dan kawan-kawannya melawat gurunya di hospital, beliau asyik bercerita sambil bergelak ketawa bersama kawannya.
--

Situasi di atas menggambarkan Ali dan kawan-kawannya tidak beradab terhadap .....

33 Umat Islam pada zaman kerajaan Abbasiyah berjaya menguasai ilmu sains dan teknologi daripada tangan orang Rom, ..... dan Parsi.

34 Syeikh Muhamad Abduh telah merealisasikan idea islahnya melalui kaedah pengajaran di masjid, media massa dan .....

35

- Mendapat ganjaran Allah
- Disukai manusia
- Rezeki akan bertambah

Pernyataan di atas merujuk kepada kelebihan memberi .....

36

Usaha menegakkan Islam demi mendapat keredhaan Allah dinamakan .....

37

Ajaran Qadiani beriktikad bahawa Allah menurunkan kepada Mirza Ghulam Ahmad sebuah kitab yang bernama .....

38

Syiah ..... beriktikad bahawa kedudukan pelaku dosa besar berada antara keimanan dan kekufuran.

39

Memutuskan urat halkum dan urat mari' merupakan ..... sembelihan.

40

Bermalam di Mina ialah perkara ..... dalam ibadat Haji.

**Bahagian B**

[60 markah]

Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikut.

1 (a) Menipu dan berbohong merupakan dosa besar yang mesti dihindari.

(i) Nyatakan maksud menipu.

[2 markah]

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>* Memalsukan rekod kesihatan</li><li>* Mengubah data rekod kemajuan</li></ul> |
|---|

(ii) Jelaskan *dua* akibat sekiranya murid mengamalkan perbuatan di atas.

[4 markah]

(iii) Senaraikan *empat* contoh perbuatan menipu yang biasa dilakukan oleh murid sekolah selain daripada pernyataan di atas.

[4 markah]

(b) Ahli Sunnah wal Jamaah merupakan satu mazhab akidah dalam Islam.

(i) Siapakah yang memasyhurkan mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah?

[2 markah]


(ii) Nyatakan *dua* prinsip akidah Ahli Sunnah wal Jamaah

[4 markah]

(iii) Terangkan *dua* kepentingan berpegang dengan akidah tersebut.

[4 markah]





(a) Gambar rajah di atas merujuk kepada miqat untuk memulakan niat ihram haji.

(i) Namakan dua daripada miqat tersebut. [2 markah]

(ii) Jelaskan hikmah ditentukan miqat tersebut. [2 markah]

Ibadah haji boleh dilakukan dengan tiga cara iaitu Itrad, Tamattu' dan Qiran.

(iii) Nyatakan maksud Haji Tamattu'. [2 markah]

(iv) Jelaskan dua kebaikan mengerjakan Haji Tamattu'. [4 markah]

(b) Fasakh dan khuluk adalah dua langkah penyelesaian masalah rumah tangga.

(i) Nyatakan maksud fasakh. [2 markah]

(ii) Jelaskan dua hikmah fasakh terhadap isteri. [4 markah]

(c) Nyatakan bukkum dan alasan bagi situasi berikut.

(i) Encik Hamzah menjadi wali untuk perkahwinan anak angkatnya. [2 markah]

(ii) Encik Syamsul menyembelih seekor lembu tanpa membaca bismillah. [2 markah]

- 3 (a) 

Persatuan agama Islam sekolah anda telah diberi tanggungjawab untuk menganjurkan sambutan Maulidul Rasul 1431 H dengan tema; "Memantapkan Ukhuwah Memperkasakan Ummah"
---
- (i) Terangkan **dua** aktiviti yang boleh dilakukan dalam sambutan tersebut untuk mencapai tema yang disediakan. [4 markah]
- (ii) Nyatakan 4 cara beradab terhadap Rasulullah SAW. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan cara perantikan pegawai kerajaan pada zaman Khulafa' al-Rasyidin. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** dasar pentadbiran Khulafa' al-Rasyidin. [4 markah]
- (c) Imam Malik rahimahullah adalah seorang yang sangat menghormati hadis dan tegas dalam mempertahankan hukum Islam.
- (i) Nyatakan **dua** tindakan beliau sebelum menjawab persoalan hadis. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** contoh ketegasan Imam Malik rahimahullah dalam mempertahankan pendapatnya. [4 markah]
- 4 (a) 

Sungai di kampung anda telah tercemar akibat daripada aktiviti pembuangan sampah ke dalam sungai oleh orang yang tidak bertanggungjawab,
--
- (i) Terangkan **dua** usaha yang boleh anda lakukan untuk mengatasi masalah tersebut. [4 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** bentuk pencemaran alam selain daripada pencemaran air [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** faktor yang membawa kepada kegemilangan Kerajaan Bani Abbasiyah [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** peranan yang sewajarnya dilakukan oleh umat Islam kini untuk mengembalikan kegemilangan tersebut. [4 markah]
- (c) Sheikh Muhammad Abduh adalah seorang tokoh ilmuan dan pembaharuan yang terkenal di seluruh dunia Islam.
- (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi Sheikh Muhammad Abduh [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** pembaharuan yang telah diperkenalkan oleh beliau dalam bidang pendidikan. [4 markah]

### KERTAS SOALAN TAMAT

